

27/01/2001

Kerajaan teliti syor beri kuasa tambahan

SEREMBAN, Jumaat - Kerajaan sedia meneliti cadangan Badan Pencegah Rasuah (BPR) supaya diberikan kuasa tambahan bagi membolehkannya menyiasat kes jenayah yang ada kaitan dengan rasuah.

Ia termasuk kuasa untuk menggeledah dan memeriksa premis yang digunakan sebagai pusat perjudian, pelacuran dan pengedaran dadah yang disyaki berlaku rasuah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Dr Rais Yatim, berkata Bahagian Undang-undang JPM dan Jabatan Peguam Negara perlu mengkaji dengan mendalam keperluan kuasa yang diminta oleh BPR itu.

"Pelbagai sudut perlu diteliti sebelum sebarang pindaan dibuat terhadap Akta Pencegahan Rasuah 1997 supaya peruntukan kuasa tambahan yang dicadangkan itu dimasukkan.

"Ini bagi memastikan pindaan akta berkenaan tidak menimbulkan masalah apabila ia dikuatkuasakan dan selain itu, tidak menjadi cemuhan masyarakat pula," katanya.

Rais menyatakan demikian sebagai mengulas kenyataan Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Zaki Hussin mengenai cadangan untuk meminda Akta Pencegahan Rasuah 1997 supaya ia diberikan kuasa sama seperti polis, Jabatan Imigresen dan pihak berkuasa tempatan, menjalankan serbuan atau siasatan di premis yang disyaki berlakunya kegiatan rasuah.

Ahmad Zaki berkata, beliau percaya premis pelacuran, pengedaran dadah dan perjudian turut membabitkan kes rasuah.

Pada masa ini, katanya, BPR tiada kuasa menggeledah premis disyaki digunakan bagi kegiatan tidak bermoral.

"Jika BPR merasakan ia kekurangan kuasa seperti itu, kita sedia mengemukakan cadangan pindaan akta berkenaan untuk pertimbangan Kabinet.

"Kita tidak mahu kegiatan pencegahan jenayah melampaui batas peruntukan undang-undang sehingga menjejaskan penyiasatan atau pendakwaan kes yang dikendalikan oleh agensi lain," katanya.

Dalam perkembangan lain, Rais berkata kerajaan puas hati terhadap peranan yang dimainkan sultan dan raja-raja yang menyeru bangsa Melayu bersatu padu.

Sambil menyatakan ia petanda baik bagi bangsa Melayu dan juga kaum lain negara ini, beliau berkata peranan sultan dan raja-raja itu amat dihargai.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah memberikan taklimat kepada semua sultan dan raja-raja dalam mesyuarat Majlis Raja-raja mengenai masalah membabitkan masyarakat Melayu.

(END)